

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mengiktiraf sijil peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC) dan jika ada, apakah kedudukan terkini dalam isu ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Manakala UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan dengan itu, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sungguhpun begitu, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan sijil UEC masih kekal *status quonya* seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Kementerian Pendidikan Malaysia sedia untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkepentingan berhubung perkara tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memulihkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1983 dan jika ya, bilakah ia akan dilakukan dan jika tidak, mengapa.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak Kerajaan sedang menjalankan kajian berkaitan dengan perkara ini. Sekiranya Akta ini diwujudkan semula, keperluan semua pihak akan diambil kira bagi memastikan Akta ini bersesuaian dan relevan dengan kehendak semasa.

Sekian. Terima kasih.